

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JANUARY 2017

(FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH)

# Usaha Tun M takutkan rakyat Johor tidak akan berjaya

RA 24/1/2017

➔ Projek pembangunan Forest City bawa kebaikan, kemakmuran

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Nurul Amanina Suhaini  
bhnews@bh.com.my

✦ Johor Bahru

**M**enteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yakin usaha Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menakutkan rakyat Johor, terutama mengenai projek pembangunan Forest City tidak akan berjaya.

Beliau menganggap limpahan manfaat daripada projek itu hanya akan membawa kebaikan dan kemakmuran kepada negeri ini dan rakyatnya.

"Kita boleh jemput Tun Dr Mahathir untuk melihat sendiri projek Forest City bagi mendapatkan fakta dan gambaran sebenar betulkah

ada 700,000 orang China di sana.

"Kedaulatan undang-undang negara tidak mungkin membenarkan penganugerahan status kerakyatan kepada mana-mana individu hanya kerana mereka membeli hartanah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Bazar Tahun Baharu Cina Muafakat Johor dan Medan Selera Dedap 21 di Taman Johor Jaya di sini.

Mohamed Khaled berkata, projek berskala mega seperti Forest City adalah inisiatif bagi meningkatkan kemampuan negara untuk bersaing dengan Singapura dan Malaysia bernasib baik kerana ada pihak yang cukup yakin untuk membuat pelaburan besar itu.

"Kita bernasib baik berjaya menarik pelabur dari China kerana ekonomi dunia hari ini penuh de-



**Mohamed Khaled (tengah)** dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, A Rahim Nin (enam dari kanan) bergambar bersama orang ramai yang hadir pada perasmian Bazar Tahun Baharu Cina Muafakat Johor dan Medan Selera Dedap 21 di Taman Johor Jaya, Johor Bahru, semalam.

ngan cabaran," katanya.

## Khuatir sekat pelabur

Sementara itu, Presiden GERAKAN, Datuk Seri Mah Siew Keong, menyelar Dr Mahathir kerana terlalu berpolitik sehingga sanggup mengorbankan kepentingan ekonomi negara dalam isu projek Forest City.

Katanya, tindakan bekas Perdana Menteri yang mempolitikkan projek itu boleh menimbulkan kebimbangan dan dikhuatiri menyekat pelaburan dari China untuk melabur di negeri itu.

"Ketika ini netizen di China mula mempersoalkan keperluan mereka melabur di Malaysia berikutan serangan berterusan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Presiden parti berkenaan, Tan Sri

Fakta  
nombor

220,000 PELUANG

pekerjaan diwujudkan dalam tempoh 20 tahun

RM444 BILION

nilai projek Forest City

Muhyiddin Yassin.

"Ada blog (di China) mengatakan Malaysia tidak mengalu-alukan pelabur China dan ini boleh memberi kesan negatif kepada Malaysia," katanya.

Beliau yang juga Menteri Perusahaannya Perladangan dan Komoditi berkata demikian pada sidang media selepas melakukan tinjauan mesra Tahun Baharu Cina di Pasar Desa Jaya, Kepong, Kuala Lumpur, semalam.

Siew Keong mengulas dakwaan Dr Mahathir bahawa Forest City akan memberi kewarganegaraan kepada rakyat China.

Katanya, pemimpin pembangkang tidak seharusnya terlalu berpolitik sehingga boleh menjejaskan pendapatan negara, sebaliknya mereka perlu bijak membezakan antara ekonomi dan politik.